

Fail: ( ) dlm. PTGS/CR01/2000

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 4/2003**

=====

**PENURUNAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH  
BAGI MEMENDEKKAN TEMPOH PAJAKAN**

-----

**1. TUJUAN**

1.1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengenai penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah bagi menimbang dan membuat keputusan permohonan untuk memendekkan tempoh pajakan.

**2. PROSEDUR PERMOHONAN**

2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 9 April 2003 telah membuat keputusan menurunkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Pentadbir Tanah untuk menimbang dan seterusnya membuat keputusan ke atas permohonan memendekkan tempoh pajakan 99 tahun yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada 60 tahun ke bawah.

2.2. Berikutan daripada keputusan tersebut pemohon dikehendaki mengemukakan surat rayuan kepada Pentadbir Tanah dan pemohon dikenakan bayaran sebanyak RM 50.00 atau RM 100.00 seperti Kaedah 21 Item 90, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Selangor 2003.

2.3. Semua permohonan memendekkan tempoh pajakan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Borang 5A dikeluarkan. Permohonan yang dibuat selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan dan permohonan hendaklah ditolak secara 'summary rejection' oleh Pentadbir Tanah.

- 2.4. Pentadbir Tanah dikehendaki mengeluarkan Borang 5A yang baru bagi semua permohonan rayuan tidak kira samada permohonan tersebut ditolak ataupun diluluskan dengan tempoh bayaran baru selama 18 bulan mengikut Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Selangor 2003. Kadar premium yang dikenakan hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Selangor 2003 atau Pekeliling-Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang berkaitan mengikut mana yang berkenaan.
- 2.5. Satu salinan keputusan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk rekod.

### **3. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

T.T  
**(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 30 Ogos 2003

NHT/nht. (Pek.PTG...Diskett A)